

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**SOALAN :**

**YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha pengambilalihan pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan semua projek-projek Kerajaan Pusat dan Negeri oleh Kementerian seperti mana yang pernah diamalkan sebelum ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang dibiayai oleh peruntukan pembangunan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Bagi projek-projek fizikal, pelaksanaannya dibuat samada oleh Kementerian atau Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Berdasarkan prosedur dan peraturan yang berkuatkuasa, pelaksanaan semua projek-projek fizikal binaan menjadi tanggungjawab Jabatan Teknik, terutamanya JKR. Walau bagaimanapun, Kementerian atau Agensi boleh melaksanakan sendiri projek fizikal binaan masing-masing dengan syarat mendapat kelulusan rasmi daripada JKR. JKR diberikan kuasa *first right of refusal* untuk menentukan samada projek-projek tersebut perlu dilaksanakan oleh JKR atau Kementerian atau Agensi.

Tanggungjawab memantau pelaksanaan dan kemajuan projek terletak pada Agensi Pelaksana sama ada JKR atau Kementerian atau Agensi, juga pada Kementerian atau Agensi pemilik projek tersebut. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) turut membuat pemantauan dan akan campur tangan sekiranya projek tersebut mengalami masalah kelewatan dalam pelaksanaannya.

Pengurusan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek Kerajaan Negeri adalah berada di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Sekian. Terima kasih.